

Rakan U.M.A.T UNISSA sertai lawatan sambil belajar ke Sabah



SERAMAI 20 orang Rakan U.M.A.T bersama dua pegawai kaunselor yang mengikuti lawatan sambil belajar dan khidmat masyarakat ke Sabah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Disember. - Seramai 20 orang Rakan Untuk Mu Amalan Terpuji (U.M.A.T) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama dua pegawai kaunselor pagi tadi

bertolak ke Sabah bagi mengikuti lawatan sambil belajar dan khidmat masyarakat. Dua pegawai kaunselor selaku pegawai pengiring semasa lawatan tersebut ialah, Kaunselor Pelawat UNISSA, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor dan Pegawai Kaunselor UNISSA, Dayang Norsadiyah binti Matarsad.

Hadir di UNISSA bagi mengucapkan selamat bertolak kepada rombongan ialah Dekan Pelajar, Dayang Nurhafizatulkimah binti Haji Seribini.

Sementara itu, Dayang Norsadiyah binti Matarsad ketika ditemu bual menjelaskan, ini merupakan outreach program yang pertama kali diadakan oleh Rakan U.M.A.T UNISSA sejak ditubuhkan pada 13 Jun 2022 dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UNISSA.

Menurutnya, tujuan program adalah bagi mempelajari dan mendedahkan lagi para Rakan U.M.A.T tentang cara pengurusan dan mentadbir persatuan yang terlatih serta menambah jaringan bersama Rakan Siswa atau Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di luar negara.

Dayang Norsadiyah menjelaskan, Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Rakan U.M.A.T UNISSA memilih untuk mengadakan perkongsian ilmu dan pengalaman bersama PRS Universiti Malaysia Sabah dan Rakan Siswa YADIM Universiti Teknologi Mara.

Selain daripada itu tambahannya, bagi memupuk sifat keprihatinan dan peka akan keadaan sekeliling, rombongan mengambil kesempatan dan peluang untuk mengadakan Khidmat Masyarakat sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa

dengan membersihkan dan menghias Unit Kaunseling Sekolah Kebangsaan Weston, Sabah dan seterusnya menjalankan aktiviti bersama 78 murid Tahun 4, 5 dan 6 sekolah tersebut.

Beliau melahirkan harapan agar dengan adanya program ini akan dapat lagi menambah rangkaian jaringan ukhwah Rakan U.M.A.T UNISSA bersama dengan rakan siswa dan PRS di luar negara dan bagi Rakan U.M.A.T sendiri agar mereka dapat mengambil manfaat yang positif untuk dijadikan sebagai landasan menjadi seorang pemimpin, seorang Rakan U.M.A.T

yang peka dan bersedia untuk membantu siswa dan mahasiswi UNISSA yang menghadapi cabaran dalam kehidupan mereka.

Program selama lima hari tersebut juga diteruskan dengan pengagihan dan penyerahan wakaf Mushaf UNISSA ke Masjid Nurul Iman, Pekan Weston, Mahad Tahfiz Al-Quran Ibnu Al-Jazari, Mahad Tahfiz Al-Quran Negara Sabah dan Mahad Tahfiz Darul Hadis di mana secara keseluruhannya sebanyak 285 naskhah Mushaf UNISSA yang akan diwakafkan sepanjang program ini.

Di samping itu, Rakan U.M.A.T UNISSA juga telah mengadakan pelbagai aktiviti dalam kampus antaranya Hot Seat, Mental Health Survey, Your Smile is Our Smile dan Stop Stress.



PEGAWAI Kaunselor UNISSA, Dayang Norsadiyah binti Matarsad semasa ditemu bual.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

- **OUTREACH** program yang pertama kali diadakan oleh Rakan U.M.A.T UNISSA sejak ditubuhkan pada 13 Jun 2022 dengan kerjasama Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UNISSA.
- **BAGI** mempelajari dan mendedahkan lagi para Rakan U.M.A.T tentang cara pengurusan dan mentadbir persatuan yang terlatih serta menambah jaringan bersama Rakan Siswa atau Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di luar negara.
- **PELUANG** untuk mengadakan Khidmat Masyarakat sempena Hari Sukarelawan Antarabangsa dengan membersihkan dan menghias Unit Kaunseling Sekolah Kebangsaan Weston, Sabah dan seterusnya menjalankan aktiviti bersama 78 murid Tahun 4, 5 dan 6 sekolah tersebut.
- **MENAMBAH** rangkaian jaringan ukhwah rakan U.M.A.T UNISSA bersama dengan rakan siswa dan PRS di luar negara dan bagi rakan U.M.A.T sendiri agar mereka dapat mengambil manfaat yang positif untuk dijadikan sebagai landasan menjadi seorang pemimpin, seorang rakan U.M.A.T yang peka dan bersedia untuk membantu siswa dan mahasiswi UNISSA yang menghadapi cabaran dalam kehidupan mereka.